

**Tindakan Kerajaan Selangor tidak hormati institusi kesultanan-PM**  
**Utusan Online**  
**01 September, 2012**

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Tindakan Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor membelakangkan Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam majlis sambutan kemerdekaan peringkat negeri kelmarin jelas memperlihatkan sikap tidak hormat mereka terhadap institusi kesultanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun sultan merupakan simbol negeri, Kerajaan PKR Selangor dilihat lebih menghormati Penasihat Ekonomi Negeri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang jelas tidak mempunyai 'local standy'. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120901/dn\\_23/Tindakan-Kerajaan-Selangor-tidak-hormati-institusi-kesultanan-PM](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120901/dn_23/Tindakan-Kerajaan-Selangor-tidak-hormati-institusi-kesultanan-PM)